



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

THE SECOND IGNORANCE ERA
ZAMAN KEJAHILAN KEDUA

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Allah ﷻ sudah mengeluarkan perintah agar kita Jangan bertengkar dengan orang kafir dan sebaliknya kita jangan menyebelahi orang kafir dalam perjuangan mereka. Zaman sekarang adalah zaman Jahiliyah yang Kedua. Zaman Jahiliyah Pertama ialah pada zaman Rasulullah ﷺ. Walaupun ada kejahilan di hidup mereka, mereka masih percaya kepada Allah ﷻ.

Pada zaman ini keadaan lebih rumit, lebih jahil. Merka menyatakan mereka amat terpelajar, mereka profesor atau profesor madya di university. Ada di kalangan mereka menunjukkan kesombongan dan keangkuhan seperti Firaun. Mereka tidak mengakui Allah ﷻ, mereka tidak menghormati Rasulullah ﷺ dan mereka menghina agama suci Islam.

Islam tidak perlu orang macam mereka. Islam tidak perlu apa apa dari sesiapa. Sebaliknya Islam memberi manfaat. Orang orang yang sombong sebegini harus lah mahasabah diri dan carilah kesalahan dan kelemahan sendiri. Tetapi sayang nya, mereka telah menukar gedung ilmu yang mereka terokai kepada gedung kejahilan.

Mereka tiada bernilai dan generasi yang akan datang dalam bahaya. Mereka mengajar berbagai perkara mungkar kerana tiada ilmu yang hakiki. Maka kerana mereka tidak tahu banyak perkara mereka masuk campur dalam urusan yang tidak ada sangka paut dengan mereka. Orang tidak melihat kejahilan mereka.

Mereka hidup dalam sanjungan dan penipuan. Mereka adalah askar askar Shaytan dan mereka saling menolong antara satu sama yang lain. Mereka boleh jadi Profesor atau Doktor tanpa mengetahui ilmu sains kerana orang yang mentauliahkan mereka adalah orang sama seperti mereka.

Tetapi Islam tidak akan tergugat kerana Islam adalah agama Allah ﷻ. Allah melindungi nya. Agama yang teragung dan terindah ialah Islam. Tiada siapa yang boleh menggugat nya, walaupun mereka terdiri dari orang yang terpelajar atau berilmu. Yang



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

sebenarnya tiada orang boleh mengakui bahawa pengetahuan mereka melintasi semua ilmu. Mereka yang menyatakan sedemikian adalah jahil. Mereka belajar untuk memuaskan nafsu ego mereka dan untuk berkhidmat kepada syaitan. Hakikatnya mereka tidak belajar perkara-perkara yang bermanfaat. Mereka pelajari kejahilan. Tiada manafaat datang dari mereka kecuali kehinaan.

Hanya mereka yang sama seperti mereka suka mereka. Sesiapa yang seperti mereka mengikuti mereka. Tetapi mereka yang mengejar ilmu yang sebenar akan mengenal pasti orang-orang jahil itu. Seperti yang kami katakan orang-orang sebegini menutup kejahilan mereka dengan cara mencampuri urusan orang yang tidak ada kena mengena dengan mereka. Orang-orang sebegini adalah golongan orang yang rendah maqamnya di sisi Allah ﷻ. Biasanya sesiapa yang menentang Allah ﷻ maqam mereka rendah.

Maqam anda di sisi Allah adalah tinggi jika anda percaya kepada Allah ﷻ, mematuhi arahan Allah ﷻ dan kembali ke jalan Islam. Tetapi jika anda menentang Allah, maka maqam anda turun menjunam. Moga Allah ﷻ buka minda mereka supaya waras berfikir dan dapat diselamatkan. Moga dunia ini diselamatkan dari orang-orang sebegini, InsyaAllah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil

14 January 2016 / 4 Rabiul Akhir 1437

Akbaba Dargah, Sabah Namaz